

**GARIS PANDUAN KAEDAH BARU
BAGI PELAKSANAAN KURSUS INDUKSI SISTEM SARAAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Dengan terlaksananya Sistem Saraan Malaysia semua pegawai baru Perkhidmatan Awam diwajibkan mengikuti Kursus Induksi sebelum mereka disahkan dalam jawatan. Peraturan ini berkuat kuasa bagi mereka yang mula berkhidmat pada 1 Januari 1992 dan seterusnya.
- 1.2. Bagi guru-guru dalam perkhidmatan, Kursus Induksi Sistem Saraan Malaysia (KISSM) adalah diurusetiaikan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), manakala pelaksanaan dan pengelolaannya adalah oleh JPN. Bagi guru-guru praperkhidmatan, pelaksanaan dan pengelolaannya adalah oleh Institut Pendidikan Guru. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) pula merupakan urus setia KISSM Perkhidmatan Bukan Guru (PBG) di mana pelaksanaan dan pengelolaan KISSM PBG dibuat dengan kerjasama JPN.
- 1.3. KISSM mengandungi **dua** modul:
 - 1.3.1. **Modul Umum:**
Kandungan kursusnya sama dan seragam bagi semua perkhidmatan.
 - 1.3.2. **Modul Khusus:**
Kandungan kursusnya disesuaikan mengikut keperluan perkhidmatan/ kementerian.

2. MATLAMAT

Matlamat KISSM adalah untuk melahirkan pegawai-pegawai kerajaan yang beriltizam dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas serta dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Pegawai-pegawai ini juga diharap dapat menyesuaikan diri dengan organisasi dan budaya kerja di tempat mereka bertugas.

3. OBJEKTIF

Kursus Induksi ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- 3.1. Memberi pendedahan yang sama kepada semua anggota Perkhidmatan Awam mengenai sejarah negara, dasar utama kerajaan, rancangan dan program pembangunan negara;
- 3.2. Memberi penjelasan tentang sistem pentadbiran, prosedur-prosedur utama, arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling serta panduan-panduan Kerajaan;
- 3.3. Memberi kefahaman mengenai kaedah pengurusan serta keperluan-keperluan asas dan khusus bagi satu-satu perkhidmatan dan agensi; dan
- 3.4. Memupuk nilai dan etika kerja cemerlang dalam kalangan semua anggota Perkhidmatan Awam.

4. TEMPOH KISSM

Kaedah baru ini masih lagi mengikut ketetapan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2005. Tempoh KISSM Kumpulan I, II dan III telah ditetapkan seperti jadual berikut:

Jadual 1: Tempoh Pelaksanaan KISSM Kumpulan I

Modul	Bilangan Hari	Bilangan Jam
Tempoh Modul Khusus	3 hari 2 malam	10 Jam
Tempoh Modul Umum	Pembelajaran sendiri melalui cakera padat (CD) yang meliputi 65 jam	65 Jam

Jadual 2: Tempoh Pelaksanaan KISSM Kumpulan II dan III

Modul	Bilangan Hari	Bilangan Jam
Tempoh Modul Khusus	3 hari 2 malam	10 Jam
Tempoh Modul Umum	Pembelajaran sendiri melalui cakera padat (CD)	Mengikut masa anggota

Kaedah pelaksanaan Modul Khusus masih kekal tetapi kaedah pelaksanaan Modul Umum diubah kepada sesi pembelajaran sendiri CD yang dibekalkan. Keseluruhan modul ini disingkatkan jumlah harinya.

5. TEMPAT KISSM

Modul Khusus akan dilaksanakan selama 3 hari 2 malam di premis kerajaan/ swasta secara 'face to face'. Manakala Modul Umum tiada lagi sesi interaksi 'face to face' sebaliknya diganti dengan kaedah sesi pembelajaran sendiri melalui CD yang dibekalkan. CD tersebut merangkumi 11 tajuk kursus yang akan diagihkan kepada semua calon yang berdaftar. Dalam tempoh berkenaan calon dikehendaki belajar melalui CD yang diedarkan, menyediakan kertas Tugas Individu dan melengkapkan maklumat borang pemerhatian untuk diserahkan kepada Ketua Jabatan bagi tujuan Penilaian Sepanjang Kursus (PSK).

6. PELAKSANAAN KISSM

6.1. Sukatan Modul Khusus KISSM:

Jumlah Jam Syarahan Untuk Setiap Subjek

Jadual 3: Modul Khusus KISSM Kumpulan I, II dan III

Bil.	Subjek	Tempoh Waktu (Jam)
1.	Struktur Organisasi Kementerian Pelajaran Malaysia	2
2.	Wawasan, Komuniti dan Dasar-dasar Pendidikan	2
3.	<i>Emotional Intelligence Competencies</i>	2
4.	Keselamatan dan Perundangan Sekolah (Akta Pendidikan 1996 Pindaan 2002)	2
5.	Akauntabiliti / Refleksi	2
	Jumlah	10

6.2. **Sukatan Modul Umum KISSM:
Jumlah Jam Syarahan Untuk Setiap Subjek**

Jadual 4: Modul Umum KISSM Kumpulan I

Bil.	Subjek	Tempoh Waktu (Jam)
1.	Modul Kenegaraan i. Tanah Air ii. Rakyat iii. Kerajaan iv. Kedaulatan (Dikendalikan oleh BTN melalui Modul Kursus Kenegaraan)	8
2.	Arahan Keselamatan dan Panduan Pengurusan Pejabat	4
3.	PKPA (Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam)	10
4.	Dasar-Dasar Kerajaan	8
5.	Belanjawan Negara Pengurusan Kewangan – Sistem Perakaunan Pengurusan Harta Awam Akauntabiliti dalam Pengurusan Kewangan	8
6.	Perintah Am	6
7.	Perintah Am / Peraturan Pegawai Awam	10
8.	Sistem Perakaunan Kerajaan	2
9.	Nilai Murni dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam	4
10.	Tayangan Video: Rezeki Berbarakah (Rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1998)	1
11.	Pengurusan Integriti	4
	Jumlah	65

Jadual 5: Modul Umum KISSM Kumpulan II

Bil.	Subjek	Tempoh Waktu (Jam)
1.	Latihan Dalam Kumpulan	6
2.	Arahan Keselamatan dan Panduan Pengurusan Pejabat	4
3.	PKPA (Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam)	2
4.	Dasar-Dasar Kerajaan	4
5.	Pengenalan Kepada Pengurusan Kewangan Pembelian dan Perolehan Harta Awam Sistem Penerimaan Sistem Bayaran	8
6.	Perintah Am / Peraturan Pegawai Awam	6
7.	Nilai Murni dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam	2
8.	Pengurusan Integriti	4
9.	Teknik Pengucapan Awam	2
10.	Aspek Pentadbiran Pejabat dan Cara Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Awam	2
	Jumlah	40

Jadual 6: Modul Umum KISSM Kumpulan III

Bil.	Subjek	Tempoh Waktu (Jam)
1.	Latihan Dalam Kumpulan	6
2.	Arahan Perkhidmatan dan Panduan Pengurusan Pejabat	2
3.	Perintah Am / Peraturan Pegawai Awam	6
4.	Nilai Murni dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam	2

5.	Pengurusan Integriti	2
6.	Teknik Pengucapan Awam	2
	Jumlah	20

Nota:

Perincian sukatan Modul Khusus dan Modul Umum adalah seperti **Lampiran I.**

7. ASAS PENILAIAN

Penilaian Modul Induksi Umum KISSM bagi Kumpulan I, II dan III adalah dibuat berdasarkan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1992 JPA 241/46 Jld. 4 (68) bertarikh 31 Julai 1992. Penilaian tersebut adalah seperti berikut:

7.1. Kumpulan I:

- Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) = 60%
- Ujian Akhir Kursus (UAK) = 40%

7.1.1. Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) = 60%

Wajaran bagi PSK adalah berdasarkan:

- Pemerhatian = 20%
- Tugas Individu = 20%
- Tugas Kumpulan = 20%

7.1.2. **Pemerhatian = 20%**

Jadual 7: *Komponen Penilaian Pemerhatian PSK KISSM
Kumpulan I*

CIRI	MARKAH
Disiplin	8
Penyesuaian diri	3
Inisiatif dan tanggungjawab	3
Penyertaan dan kerjasama	3
Kepimpinan	3
JUMLAH	20

7.1.3. **Tugasan Individu (20%)**

Calon dikehendaki menyediakan satu (1) Tugasan Individu berdasarkan tajuk seperti di **Jadual 8** di bawah:

Jadual 8: *Pilihan Tajuk Tugasan Individu Untuk Calon KISSM
Kumpulan I*

TAJUK		
1. Arahan Perkhidmatan	2. Nilai Murni dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam	3. Perintah Am

Perincian pemarkahan untuk Tugasan Individu adalah seperti **Jadual 9** berikut:

**Jadual 9: Perincian Pemarkahan Untuk Tugas Individu
KISSM Kumpulan I**

Bil.	Kriteria	Markah
1	Kandungan	8
2	Keaslian	4
3	Rumusan	4
4	Penghasilan Produk	4
Jumlah		20

7.1.4. Tugas Kumpulan (20%)

Calon dikehendaki menyediakan satu (1) Tugas Kumpulan berdasarkan tajuk seperti di **Jadual 10** di bawah:

**Jadual 10: Pilihan Tajuk Tugas Kumpulan Untuk Calon
KISSM Kumpulan I**

TAJUK			
1. PKPA	2. Dasar Kerajaan	3. Pengurusan Am	4. Pengurusan Kewangan

Perincian pemarkahan untuk Tugas Kumpulan adalah seperti **Jadual 11** di bawah:

**Jadual 11: Perincian Pemarkahan Untuk Tugas Kumpulan
KISSM Kumpulan I**

Bil.	Kriteria	Markah
1	Kandungan	8
2	Keaslian	6
3	Rumusan	4
4	Penghasilan Produk	2
Jumlah		20

7.1.5. Ujian Akhir Kursus (UAK)

Ujian Akhir Kursus (UAK) dijalankan setelah calon tamat mengikut Modul Khusus dan Modul Umum. Bentuk Kertas UAK adalah seperti **Jadual 12** di bawah:

Jadual 12: Perincian Kertas UAK KISSM Kumpulan I

Bentuk Kertas UAK	
Seksyen A (Masa: 40 minit)	<u>Bentuk</u> Objektif (Aneka Pilihan) 40 soalan : 40 markah
Seksyen B (Masa: 2 jam 30 minit)	<u>Bentuk</u> Subjektif (Esei) 8 soalan : 60 Markah Jawab 2 soalan daripada Bahagian 1 dan 2 soalan daripada Bahagian 2

7.2. Kumpulan II:

- Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) = 100%

7.2.1. **Penilaian Sepanjang Kursus = 100%**

Wajaran bagi PSK adalah berdasarkan:

- Pemerhatian = 40%
- Tugas Kumpulan = 30%
- Penilaian Akhir Kursus = 30%

7.2.2. **Pemerhatian**

*Jadual 13: Komponen Penilaian Pemerhatian PSK KISSM
Kumpulan II*

CIRI	MARKAH
Disiplin	12
Penyesuaian diri	7
Inisiatif dan tanggungjawab	7
Penyertaan dan kerjasama	7
Kepimpinan	7
JUMLAH	40

7.2.3 Tugas Kumpulan (30%)

Jadual 14: Pilihan Tajuk Tugas Kumpulan Untuk Calon KISSM Kumpulan II

TAJUK		
1. PKPA	2. Dasar Kerajaan	3. Panduan Pengurusan Pejabat

Perincian pemarkahan untuk Tugas Kumpulan adalah seperti **Jadual 15** di bawah:

Jadual 15: Perincian Pemarkahan Untuk Tugas Kumpulan KISSM Kumpulan II

Bil.	Kriteria	Markah
1	Kandungan	12
2	Keaslian	6
3	Rumusan	6
4	Penghasilan Produk	6
Jumlah		30

7.2.4 Penilaian Akhir Kursus (30%)

Penilaian Akhir Kursus merupakan ujian 30 soalan berbentuk aneka pilihan dan kurikulumnya daripada Modul Umum.

7.3. Kumpulan III :

- Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) = 100%

7.3.1. Penilaian Sepanjang Kursus = 100%

Wajaran bagi PSK adalah berdasarkan:

- Pemerhatian = 40%
- Kehadiran = 40%
- Penilaian Secara Lisan = 20%

7.3.2. Pemerhatian

*Jadual 16: Komponen Penilaian Pemerhatian PSK KISSM
Kumpulan III*

CIRI	MARKAH
Disiplin	13
Penyesuaian diri	9
Inisiatif dan tanggungjawab	9
Penyertaan dan kerjasama	9
JUMLAH	40

7.3.3 Kehadiran

Calon diwajibkan untuk menghadiri kelas dan aktiviti sepanjang kursus berlangsung. Calon dikira gagal jika kehadiran keseluruhan ke kelas kurang daripada 10 peratus.

7.3.4 Penilaian Secara Lisan

Sesi soal jawab berdasarkan modul sedia ada.

7.4. Syarat Lulus Modul Induksi Umum KISSM

7.4.1. Bagi membolehkan calon diiktiraf lulus Modul Induksi Umum KISSM, calon dikehendaki mencapai tahap 50% bagi kedua-dua komponen iaitu komponen Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) dan komponen Ujian Akhir Kursus (UAK) yang dinilai secara berasingan bagi calon KISSM Kumpulan I. Manakala KISSM Kumpulan II dan III pula, calon dikehendaki mencapai tahap 50% bagi komponen PSK.

7.4.2. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu Lembaga Panel Penilaian Induk KISSM Kementerian Pelajaran Malaysia berhak menentukan tahap kelulusan mengikut peratusan tertentu berdasarkan prestasi semasa calon.

8. PEMANTAUAN KISSM

BPG akan memantau pelaksanaan KISSM di bawah kelolaan IPG/JPN. Manakala BPSM akan membuat pemantauan pelaksanaan KISSM bagi PBG.

9. KEHADIRAN KISSM

Pekeliling daripada Bahagian Pembangunan Organisasi dan Perkhidmatan KPM No. Rujukan: KP(PP)0047/82/2 Jld.10/(56) bertarikh 20 Oktober 1998 menyatakan:

9.1. Antara kriteria penilaian yang wajib dipenuhi oleh calon semasa berkursus ialah **mesti hadir kursus dengan hari kehadirannya tidak kurang 90% daripada jumlah hari berkursus**. Calon hanya boleh meninggalkan

kursus atas sebab-sebab tertentu yang mustahak dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pengelola kursus/ urus setia kursus tertakluk kepada syarat tidak melebihi 10% daripada jumlah hari berkursus. Perkara-perkara yang membolehkan calon meninggalkan kursus dengan kebenaran adalah seperti dalam garis panduan di **Lampiran II**.

- 9.2. Sekiranya calon yang mengikuti KISSM tidak dapat melengkapkan tempoh kehadirannya pada tahap 90% dan ke atas, adalah secara automatik tidak memenuhi syarat berkursus.

10. SYARAT UNTUK MENDAPAT SIJIL LULUS KISSM

Calon-calon dikehendaki **lulus** penilaian seperti berikut:

- 10.1. Kumpulan I – lulus Penilaian Sepanjang Kursus (PSK), Ujian Akhir Kursus (UAK) dan memenuhi syarat kehadiran.
- 10.2. Kumpulan II – lulus Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) dan memenuhi syarat kehadiran.
- 10.3. Kumpulan III – lulus Penilaian Sepanjang Kursus (PSK) dan memenuhi syarat kehadiran.